

SIARAN MEDIA

TVET SEMAKIN DIYAKINI, PSIS CATAT KEMASUKAN TERTINGGI 1,108 PELAJAR BAHARU

SABAK BERNAM, 22 JUN 2026 – Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terus mendapat tempat di hati ibu bapa apabila Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) merekodkan kemasukan tertinggi seramai 1,108 pelajar baharu bagi sesi I 2026/2027.

Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah, Puan Haslinda Abd Hamid berkata peningkatan kemasukan pelajar ke PSIS selari dengan perkembangan positif sektor TVET di peringkat nasional yang semakin mendapat kepercayaan masyarakat.

“Kesedaran ibu bapa terhadap potensi TVET sebagai laluan pendidikan dan kerjaya telah menyumbang kepada pertambahan jumlah pelajar yang memilih institusi TVET selepas menamatkan persekolahan,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan itu turut menyokong aspirasi kerajaan yang menyasarkan sekurang-kurangnya 650,000 pelajar mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional di 1,395 institusi TVET di seluruh negara menjelang 31 Disember tahun ini.

Tambahnya, pencapaian PSIS merekodkan kemasukan jumlah pelajar baharu itu turut memperkukuh keyakinan terhadap TVET, apabila institusi ini mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 98.90 peratus pada tahun 2025, sekali gus membuktikan keberkesanan program pengajian yang ditawarkan dalam memenuhi keperluan industri semasa.

“Angka kebolehpasaran 98.90 peratus ini jelas menunjukkan graduan PSIS bukan sahaja tamat pengajian, malah berjaya memasuki alam pekerjaan atau melanjutkan pengajian, sekali gus mengukuhkan lagi kepercayaan ibu bapa terhadap TVET,” katanya.

Dalam tinjauan pada hari pendaftaran, rata-rata ibu bapa yang hadir bersama anak masing-masing menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana anak mereka berjaya melanjutkan pengajian di institusi TVET.

Sementara itu, suasana pendaftaran pelajar baharu berlangsung lancar dengan kehadiran ibu bapa yang memberikan sokongan penuh kepada anak-anak mereka memulakan perjalanan sebagai mahasiswa.

PSIS adalah institusi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang terbuka kepada individu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang memenuhi syarat-syarat tertentu dan terbuka kepada semua tanpa peringkat umur yang menawarkan 10 program Diploma dan 1 program Asasi Teknologi Kejuruteraan berdasarkan permintaan industri keperluan semasa.

-TAMAT-

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
22 JUN 2026**

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Idris Shah

Telefon: 03-32806200/017-4169854